



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK KEPADA ANGGOTA PARAMEDIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

BAHAGIAN SARAAN DAN KEMUDAHAN  
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
PEJABAT PENDAFTAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN  
BAYARAN INSENTIF POS BASIK KEPADA ANGGOTA PARAMEDIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)**

**TUJUAN**

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) kepada anggota paramedik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 75 pada 13 April 2023 telah bersetuju menerima pakai cadangan tafsiran anggota paramedik yang diguna pakai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menambahbaik tafsiran anggota Paramedik di UiTM bagi tujuan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik dan Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik kepada Anggota Paramedik UiTM mulai pada 1 Jun 2023.

**TAFSIRAN**

2. **Penyelia** bermaksud pegawai atasan terdekat bagi seseorang anggota yang mempunyai hubungan kerja secara langsung serta mengawasi kerja dan menilai prestasinya misalnya Ketua Jururawat, Ketua Penolong Pegawai Perubatan, Jurupulih Perubatan Kanan, Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan dan sebagainya.
3. **Ketua Jabatan** bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ), misalnya Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Pengarah Pusat Kesihatan UiTM, Rektor Kampus dan Dekan Fakulti Perubatan/Pergigian/Sains Kesihatan.

**PELAKSANAAN**

4. **Syarat-Syarat Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik**
  - 4.1 BIPB layak dibayar kepada semua anggota paramedik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kadar RM100.00 sebulan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- 4.1.1 Anggota paramedik memiliki sijil pos basik atau Dilpoma Lanjutan dalam bidang-bidang yang telah diluluskan pembayaran BIPB oleh kerajaan dari semasa ke semasa yang hanya dikeluarkan oleh Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) sahaja. Senarai terkini bidang-bidang pos basik yang telah diluluskan pembayaran BIPB adalah di **LAMPIRAN A**;
- 4.1.2 Anggota paramedik mestilah melaksanakan tugas yang memerlukan mereka menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pos basik yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan. Tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Tugas-tugas dalam perkhidmatan atau bidang yang berkaitan dengan bidang pos basik yang dimiliki;
  - (ii) Tugas-tugas penyeliaan dan pemantauan ke atas perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang pos basik yang dimiliki;
  - (iii) Tugas-tugas pengajaran misalnya yang dilaksanakan oleh *Clinical Instructor* dalam bidang yang berkaitan dengan bidang pos basik yang dimiliki; dan
  - (iv) Tugas-tugas penyediaan program atau penggubalan dasar yang berkaitan dengan bidang pos basik yang dimiliki.
- 4.1.3 Hanya satu sahaja BIPB yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu sijil pos basik; dan
- 4.1.4 Anggota paramedik yang bertugas merawat pesakit jiwa, tibi dan kusta serta memiliki sijil pos basik hanya layak menerima satu bayaran insentif sahaja iaitu Bayaran Insentif Merawat Pesakit Jiwa, Tibi dan Kusta atau BIPB.

**5. Pengesahan Penyelia dan Kelulusan Ketua Jabatan**

- 5.1 Penyelia perlu mengesahkan bahawa anggota paramedik yang berada di bawah seliaannya memiliki sijil pos basik dalam bidang yang telah diluluskan pembayaran BIPB serta mengesahkan sama ada anggota paramedik tersebut menggunakan atau tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pos basik yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan dalam menjalankan tugas.
- 5.2 Pembayaran BIPB kepada anggota paramedik yang telah disahkan menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pos basik yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan dalam menjalankan tugas oleh Penyelia masing-masing adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pengesahan Penyelia dan kelulusan Ketua Jabatan ini perlu dibuat dengan menggunakan borang di **LAMPIRAN B**.
- 5.3 Anggota paramedik yang bertukar ke jabatan/wad/klinik/unit lain perlu diberhentikan pembayaran BIPB sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran BIPB selepas pertukaran. Penyelia dan Ketua Jabatan perlu membuat perakuan dan kelulusan pemberhentian BIPB kepada anggota paramedik berkenaan dengan menggunakan borang di **LAMPIRAN C**. Sekiranya anggota paramedik didapati masih memenuhi syarat-syarat pembayaran BIPB selepas pertukaran tersebut, pembayaran BIPB boleh diteruskan tanpa perlu pengesahan dan kelulusan semula oleh Penyelia dan Ketua Jabatan.

**6. Pemberhentian Bayaran Insentif Pos Basik**

- 6.1 Pembayaran BIPB mestilah diberhentikan sekiranya anggota paramedik tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran BIPB yang telah ditetapkan di perenggan 4 dan ketetapan di perenggan 5.1 dan 5.2 di atas.
- 6.2 Penyelia dan Ketua Jabatan perlu membuat perakuan dan kelulusan pemberhentian BIPB dengan menggunakan borang di **LAMPIRAN C**.

- 6.3 Pembayaran BIPB juga mestilah diberhentikan mengikut tempoh cuti bagi anggota paramedik yang mengambil:
- 6.3.1 Cuti Tanpa Gaji;
  - 6.3.2 Cuti Separuh Gaji;
  - 6.3.3 Cuti Belajar Bergaji Penuh (melebihi tiga bulan);
  - 6.3.4 Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - 6.3.5 Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
  - 6.3.6 Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am; dan
  - 6.3.7 Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

## 7. **Pembayaran BIPB Secara *Proportionate***

- 7.1 BIPB dibayar secara *proportionate* dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan/penempatan anggota paramedik tidak genap satu bulan kalender iaitu:

$$\frac{\text{Bilangan hari bekerja}}{\text{Bilangan hari dalam bulan tersebut}} \times \text{Kadar sebulan}$$

**8. Anggota Paramedik yang Sedang Menerima BIPB**

- 8.1 Bagi anggota paramedik yang sedang menerima BIPB, pengesahan dan kelulusan semula oleh Penyelia dan Ketua Jabatan adalah tidak diperlukan selagi mereka kekal bertugas di jabatan/wad/klinik/unit sedia ada.
- 8.2 Senarai Skim Perkhidmatan bagi Anggota Paramedik seperti berikut;

<b>Bil</b>	<b>Skim Perkhidmatan</b>
1.	Jurupulih Perubatan Fisioterapi
2	Jurupulih Perubatan Cara Kerja
3.	Jururawat
4.	Juruterapi Pergigian
5.	Juruteknologi Makmal Perubatan
6	Juruteknologi Pergigian
7.	Juru X-Ray
8	Penolong Pegawai Farmasi
9	Pegawai Kesihatan Persekutaran
10.	Penolong Pegawai Perubatan
11.	Pembantu Kesihatan Awam
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian

**9. Pengecualian Sijil Pos Basik / Diploma Lanjutan selain yang dikeluarkan oleh Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)**

- 9.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-182 pada 16 November 2021 meluluskan Pembayaran Insentif Pos Basik kepada anggota paramedik Hospital UiTM lulusan selain Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) di UiTM dengan menggunakan peruntukan sumber dalaman iaitu hasil UiTM (KY). Tarikh kuat kuasa adalah 16 November 2021.
- 9.2 Pembayaran untuk Bayaran Insentif Pos Basik kepada semua anggota paramedik Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM yang

mempunyai sijil pos basik selain daripada Institut Latihan KKM (ILKKM) adalah yang mendapat kelulusan sijil pos basik / diploma lanjutan daripada:

- a) Institut/Program yang telah mendapat pengiktirafan dari MQA.
- b) Institut/Program yang telah mendapat pengiktirafan dari KKM.
- c) Institut/Program yang telah mendapat pengiktirafan dari badan profesional
- d) Hospital Pengajar Universiti Awam yang menawarkan latihan pos basik/diploma lanjutan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2023**.

#### **PERTANYAAN DAN MAKLUM BALAS**

11. Pertanyaan atau maklum balas berhubung garis panduan InI boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Saraan dan Kemudahan  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5544 3040  
03-5543 8553

**BIDANG-BIDANG POS BASIK YANG TELAH DILULUSKAN  
PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK**

<b>BIL</b>	<b>BIDANG POS BASIK</b>
1	Diploma Lanjutan Kebidanan
2	Kejururawatan Kesihatan Awam
3	Perawatan Neonat
4	Perawatan Pediatrik
5	Anestesia
6	Kecemasan ( <i>Advance Emergency Medical &amp; Trauma Care</i> )
7	Perawatan Perianestesia
8	Perawatan Otorinolaringologi
9	Perawatan Gerontologi
10	Perawatan Koronari
11	Perawatan Oftalmik
12	Perawatan Onkologi
13	Perawatan Ortopedik
14	Perawatan Perioperatif
15	Perawatan Psikiatri
16	Perawatan Rapi
17	Perawatan Renal
18	Perawatan Neurosains
19	Sitologi / Diploma Lanjutan Sitologi
20	Transfusi Perubatan ( <i>Transfusion Medicine</i> )
21	Hemeostasis

<b>BIL</b>	<b>BIDANG POS BASIK</b>
22	Muskulo-Skeletal
23	Tomografi Berkomputer
24	Bedah Mulut (Maksilofasial)
25	Ortodontik
26	Periodontik
27	Pengurusan Diabetis
28	Gastrointestinal Endoscopy
29	Forensik
30	Penjagaan Kesihatan Primer
31	Perawatan Rehabilitasi
32	Perubatan Sukan
33	Kawalan Infeksi
34	Kaunseling HIV/AIDS
35	Mikrobiologi
36	Diploma Lanjutan Pengimejan Payudara
37	Pergigian Pediatrik

**LAMPIRAN B****BORANG PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK (BIPB)**

**PERHATIAN:** Sila semak dan pastikan setiap lampiran yang berkaitan disediakan dan disahkan.

## 1. Maklumat Pegawai:

- (a) Nama Pegawai : \_\_\_\_\_
- (b) No. Staf : \_\_\_\_\_
- (c) No.Tel (no. yang mudah dihubungi):  
 (Ext) : \_\_\_\_\_ (No.H/P): 01 \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_
- (d) No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
- (e) Jawatan : \_\_\_\_\_  
 Gred : \_\_\_\_\_
- (f) Tempat bertugas: \_\_\_\_\_

*(Bahagian/Jabatan)*

**PERAKUAN PEGAWAI**

Saya mengesahkan bahawa:

- Segala maklumat yang diberikan di atas adalah **benar / tidak benar**.
- Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan dibawah peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sekarang.
- Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan elauan ini.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

**PENGESAHAN PENYELIA**

Disahkan bahawa ..... (nama),  
..... (jawatan dan gred) yang  
ditempatkan di .....(jabatan/wad/unit/klinik) telah memiliki sijil  
pos basik/diploma lanjutan dalam bidang ..... di mana  
pengetahuan/kemahiran pegawai dalam bidang tersebut **digunakan/tidak digunakan\*** pada tahap  
yang ditetapkan dalam menjalankan tugas mulai .....

**Tandatangan Penyelia**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**PERAKUAN DEKAN / REKTOR / KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Disahkan bahawa ..... (nama),  
..... (jawatan dan gred) adalah  
layak/tidak layak\* dibayar Bayaran Insentif Pos Basik mulai ..... kerana  
menggunakan/tidak menggunakan\* pengetahuan/kemahiran dalam bidang pos basik/diploma  
lanjutan yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan dalam menjalankan tugas.

**Tandatangan Ketua Jabatan/Ketua PTJ**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nota: \* Sekiranya terdapat sebarang perubahan tugas/pertukaran jabatan bagi pegawai diatas, sila maklumkan kepada Pejabat Pendaftar dengan mengisi Borang Perakuan dan Kelulusan Pemberhentian Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik Bagi Anggota Paramedik (Lampiran C) untuk tindakan selanjutnya.

**LAMPIRAN C**

**BORANG PERAKUAN DAN KELULUSAN PEMBERHENTIAN PEMBAYARAN  
BAYARAN INSENTIF POS BASIK BAGI ANGGOTA PARAMEDIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**PERAKUAN PENYELIA**

Disahkan bahawa ..... (nama),  
 ..... (jawatan dan gred) yang ditempatkan  
 di ..... (jabatan/wad/unit/klinik) dan telah menerima  
 Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) **tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran**  
**BIPB yang telah ditetapkan** mulai .....

Tandatangan Penyelia :

Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :

**KELULUSAN KETUA JABATAN**

Disahkan bahawa pembayaran BIPB bagi ..... (nama),  
 ..... (jawatan dan gred) yang ditempatkan  
 di ..... (jabatan/wad/unit/klinik) diberhentikan  
 mulai ..... kerana **tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran**  
**BIPB yang telah ditetapkan.**

Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :